

**IMF sokong Malaysia laksana ringgit terapung, kata Najib**  
**Free Malaysia Today**  
**Nov 21, 2016**

**Najib berkata, wakil agensi penarafan Moody's tidak menyatakan Malaysia dalam keadaan cemas.**

LIMA: Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) menyokong langkah yang diambil ke atas mata wang Malaysia, selain menyatakan pergerakan nilai ringgit adalah luar kawalan, kata perdana menteri.

Datuk Seri Najib Razak berkata, beliau bertanyakan perkara itu kepada Pengarah Urusan IMF, Christine Lagarde pada sesi dialog tidak rasmi pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) bersama Lagarde di sini, semalam.

Dialog tidak rasmi itu diadakan dalam rangka Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC yang berakhir pada Ahad.

“Dia (Lagarde) menyokong apa yang Malaysia lakukan, iaitu mata wang terapung sebagai barisan pertahanan terbaik disebabkan apa yang berlaku pada ringgit adalah di luar kawalan kita,” katanya kepada wartawan Malaysia selepas Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC.

Dalam pertemuannya dengan Pakatan Perniagaan US-APEC yang turut disertai wakil Moody's, Najib berkata, wakil agensi penarafan itu tidak menyatakan Malaysia dalam keadaan cemas.

“Jadi, kalau orang kata Malaysia dalam keadaan cemas, itu bermotivasikan politik,” katanya.

**Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.**

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/21/imf-sokong-malaysia-laksana-ringgit-terapung-kata-najib/>